

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status usaha pemulihan perniagaan Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS dan bilakah ianya dijangka akan dapat memperlihatkan kejayaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan yang positif selaras dengan hasrat Pelan Pemulihan MAS (PPM) dan MAB akan terus memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk memulihkan syarikat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi

syarikat adalah menghentikan laluan yang tidak menguntungkan serta mengadakan kerjasama strategik dengan Emirates Airlines melalui perkongsian kod. Perkongsian ini akan menyediakan akses kepada rangkaian laluan Emirates Airlines yang lebih luas merangkumi 30 buah negara termasuk di benua Amerika Utara dan Selatan serta Afrika.

Selain itu, MAB berjaya mencatatkan prestasi "*on time performance*" (OTP), iaitu ketepatan waktu pelepasan dan ketibaan pesawat pada kadar 95% bagi kesemua penerbangan yang melibatkan operasi domestik sepenuhnya. MAB juga akan membuat pembaharuan dengan menawarkan tempat duduk yang mendatar sepenuhnya (*fully lie-flat seats*) bagi Kelas Perniagaan untuk pesawat A330-300. Kesemua 15 pesawat jenis ini akan mula dilengkapi konfigurasi baru dan dijangka lengkap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016.

Berdasarkan komitmen dan fokus ke atas pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan secara berperingkat di bawah PPM, MAB akan terus beroperasi dan diyakini akan menunjukkan peningkatan prestasi perkhidmatan yang lebih positif dan dijangka mencatatkan keuntungan menjelang tahun 2018.